PM bentang rang undang-undang tambah kerusi Parlimen, DUN

UM 16 JUN 2003

KUALA LUMPUR 15 Jun — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan membentangkan rang undang-undang pindaan bagi penambahan kerusi Parlimen dan negeri di Dewan Rakyat untuk bacaan kali kedua pada 23 Jun ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, beliau sendiri akan membentangkan Rang Undang-Undang Perlembaeaan Persekutuan (Pindaan) 2003 itu untuk" bacaan kali pertama apabila Dewan Rakyat mula bersidang esok.

Sidang Dewan Rakyat kedua penggal kelima itu akan bermula esok sehingga 26 Jun.

Selain itu, Rang Undang-Undang Kebangkrapan (Pindaan) 2003 dan Rang Undang-Undang Arkib Negara turut dibentang untuk bacaan kali pertama.

Rais memberitahu *Utusan Malaysia* hari ini, rang undang-undang itu membabitkan pindaan Perlembagaan bagi membolehkan jumlah terbaru kerusi hasil persempadanan semula bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri bagi negeri-negeri di Semenanjung dan Sabah dimasukkan di bawah Fasa146.

Persempadanan semula itu menjadikan jumlah kerusi meningkat kepada 219 kerusi Parlimen dan 567 kerusi Dewan Undangan Negeri. Bagaimanapun Sarawak tidak terlibat dalam urusan persempadanan kali ini.

Baru-baru ini, Setiausaha Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Datuk Wan Ahmad Wan Omar berkata, Rang Pelan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya 2003 telah diwartakan pada 1 Mei lalu, sekali gus membolehkan jumlah terbaru kerusi berkenaan dipertandingkan dalam pilihan raya umum ke-11.

Sehubungan itu, kata Wan Ahmad, rang undang-undang boleh digunakan jika DUN dan Parlimen dibubarkan.

Dewan Rakyat meluluskan usul persempadanan semula bahagian pilihan raya Parlimen dan Negeri bagi negeri-negeri Tanah Melayu dan Sabah pada 8 April lalu.

Usul berkenaan antara lain adalah berkaitan cadangan SPR bagi menambah 25 kawasan Parlimen dan 63 kerusi DUN di seluruh Semenanjung dan Sabah termasuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.